

20/02/2004

Gandingan Pak Lah, Najib tingkat keyakinan rakyat

SHAH ALAM: Gandingan mantap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN).

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Setiausaha Agung BN berkata, gandingan kedua-duanya turut mengukuhkan lagi kestabilan politik, ekonomi dan keselamatan negara.

"Rakyat juga selesa dan lega termasuk di Sarawak dan Sabah," katanya pada Persidangan Pegawai Penerangan 2004 yang dirasmikan Najib di sini, semalam.

Pada majlis itu, Najib melancarkan buku Mahathir: Memartabatkan Maruah Bangsa terbitan Jabatan Penerangan sebagai penghargaan atas kepemimpinan cemerlangnya sepanjang 22 tahun sebagai Perdana Menteri.

Timbalan Perdana Menteri turut melancarkan lagu Putrajaya daripada album Bicara yang dihasilkan Pentarama - badan kesenian Jabatan Penerangan, sebagai penghargaan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad atas usaha gigihnya mewujudkan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru itu.

Hadir sama kedua-dua Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin Maidin dan Datuk Donald Lim; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamed Khir Toyo dan Pengurus Besar Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Datuk Syed Jamil Jaafar.

Khalil berkata, pegawai Jabatan Penerangan mesti menyampaikan mesej dan komentar mengenai suasana yang baik hasil gandingan mantap dua pemimpin negara itu.

"Kita pasti ditanya. Ini kita jadikan panduan kepada kita untuk jelaskan kepada rakyat," katanya.

Khalil juga berharap semua Menteri Besar dan Exco kerajaan negeri akan menggunakan saluran radio untuk menjelaskan dasar kerajaan.

Katanya, saluran radio masih penting untuk menyampaikan maklumat kerana capaiannya lebih meluas.

Khalil berkata, Bernama pula akan meneruskan program pengembangannya selaras kedudukan Malaysia yang semakin menyerlah sebagai pusat persidangan utama dunia.

Beliau berkata, Kabinet bersetuju Bernama mengembangkan sayapnya termasuk membuka pejabat di luar negara.